

Baiki sistem penyampaian, jamin golongan sasaran terima bantuan

BELANJAWAN sulung kerajaan perpaduan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dibentangkan di Parlimen pada 24 Feb lepas, mengusulkan pelbagai bantuan termasuk dalam bentuk tunai kepada golongan memerlukan bagi membantu mereka mendepani cabaran kos sara hidup.

Lantaran itu juga, Belanjawan 2023 yang bertemakan Membangun Malaysia MADANI tersebut direkodkan dalam sejarah kerajaan persekutuan sebagai yang terbesar setakat ini dengan peruntukan berjumlah RM388.1 bilion.

Angka itu merangkumi RM289.1 bilion sebagai belanja mengurus, RM99 bilion untuk perbelanjaan pembangunan dan RM2 bilion sebagai simpanan luar jangka.

Bantuan yang diusulkan itu merentasi segenap lapisan masyarakat, namun sebahagian besar adalah untuk golongan B40 dan miskin tegar yang antara lain bakal menerima bantuan tunai melalui Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan juga baul makanan.

Tidak ketinggalan golongan pesawah dan pekebun kecil getah yang dijangka menikmati pelbagai subsidi serta sumbangan tunai.

Malah, golongan kurang upaya, bekas banduan, gelandangan dan penganggur tegar juga diusul menerima sumbangan tunai RM600 sebulan selama tiga bulan.

Pastinya berita itu menggembirakan golongan yang berkenaan, namun tid-

ak kurang pula yang khuatir tentang kerehnan birokrasi yang masih membelenggu sistem penyampaian negara dan menyebabkan ramai "tercicir" sebelum ini.

BAIKI SISTEM PENYAMPAIAN SEDIA ADA

Mengakui akan permasalahan itu, pensyarah di Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia Prof Ts Dr Anuar Shah Bali Mahomed berkata pihak yang terbesar perlu mengambil langkah segera bagi menambah baik sistem penyampaian sedia ada jika ingin memastikan bantuan sampai kepada golongan sasaran.

"Saya fikir langkah terbaik untuk kurangkan birokrasi ialah penggunaan sistem yang lebih baik dengan data yang ada perlu sentiasa dikemas kini. Ia mestilah sentiasa berada pada tahap 'real-time data'. Ini bagi mengelakkan berlakunya sebarang kecaciran dan ketirisan sehingga membekalkan pemohon kerana maklumat sesebuah isi rumah tidak lengkap dalam pangkalan data agensi terbabit," katanya ketika dihubungi Bernama.

Menurutnya, agensi kerajaan boleh mengambil inspirasi daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang merupakan antara agensi paling cekap dan proaktif dalam mengemas kini pangkalan datanya.

Ujarnya, dalam keadaan ekonomi semasa yang dicengkam oleh inflasi, rakyat amat

memerlukan bantuan segera sebagai talian hayat untuk meneruskan kehidupan.

"Adanya data 'real-time' membolehkan agensi mengenal pasti penerima yang benar-benar layak dan dalam keadaan 'terdesak'. Lebih-lebih lagi pada Mac ini ada perbelanjaan tambahan iaitu bermulanya sesi baharu persekolahan," kata beliau.

Selain itu, Anuar Shah juga menyarankan agar kerajaan persekutuan bekerjasama dengan kerajaan negeri termasuk yang dipimpin oleh parti pembangkang demi memastikan bantuan yang disalurkan sampai kepada rakyat yang disasarkan.

"Mengambil kira semangat federalisme, kerajaan persekutuan sebaiknya dapat bekerjasama dengan kerajaan negeri, dan ini memerlukan kerjasama strategik kedua-dua kerajaan untuk memastikan penyaluran bantuan itu dapat diuruskan sebaiknya.

"Marilah kita ambil semangat federalisme dan ketepikan perbezaan fahaman politik kerana kesejahteraan rakyat wajib diutamakan pada setiap masa," tegas beliau.

JANGAN PUKUL RATA

Sementara itu, pakar ekonomi Jason Loh Seong Wei daripada EMIR Research mencadangkan kerajaan menimbang penyaluran peruntukan Belanjawan 2023 mengikut keperluan setiap kerajaan negeri menerusi penubuhan satu dana khas.

Ini kerana katanya setiap

negeri mempunyai keperluan berbeza, dan amalan semasa yang mana peruntukan diagih berdasarkan keperluan populasi per kapita, dilihat mempunyai beberapa kelemahan.

"Jika kita ingin membincangkan mengenai keperluan setiap negeri, masing-masing ada keperluannya yang tersendiri. Contohnya negeri Sarawak dan Terengganu yang merupakan antara pengeluar petroleum, tidak sama keperluannya dengan negeri Perlis.

"Kita tidak boleh tetapkan peruntukan belanjawan setiap negeri berdasarkan pada jumlah populasinya," ujarnya.

Loh berkata bagi merealisasikan syor itu, perlu ada kerjasama strategik di antara kerajaan persekutuan dan negeri terbabit, yang mana kerajaan negeri perlu mengenal pasti keperluannya agar peruntukan yang disalurkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Selain itu, untuk memastikan bantuan sampai kepada golongan sasaran, beliau menyarankan kerajaan pusat menyalurkan peruntukan tersebut kepada ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

"Amalan semasa ialah menyalurkan peruntukan kepada ahli Parlimen.

"Kita perlu ingat, bukan semua orang selesa untuk berhubung dan memohon bantuan daripada ahli Parlimen mereka. Ada sebahagian daripada mereka lebih selesa memohon kepada ADUN masing-masing," katanya.

FORMULA I.O.O.I

Pada masa sama, Loh yang juga Ketua Bahagian Sosial, Perundangan & Hak Sosial Manusia EMIR Research, berkata bantuan tunai tidak mampan untuk diberikan secara berterusan.

Ini kerana katanya, menerusi konsep 'Input' dan 'Output' yang diamalkan sekarang, bantuan diserahkan kepada golongan sasaran untuk memastikan mereka keluar daripada kepompong kemiskinan.

Sebaiknya kata beliau, kerajaan harus terus menyediakan kemudahan yang membolehkan golongan memerlukan berdikari dan tidak lagi mengharapkan bantuan tunai daripada kerajaan menerusi pelaksanaan formula 'Input, Output, Outcome dan Impact' (I.O.O.I).

"Inisiatif kerajaan Malaysia MADANI menggerakkan STR yang merupakan pemindahan tunai tanpa syarat untuk bantu golongan berpendapatan kurang RM2,500 boleh ditambah baik lagi sekiranya kerajaan dapat pertimbang inisiatif kewangan yang lain seperti mengadakan kursus 'upskilling' dan 'reskilling' untuk meningkatkan kemahiran mereka.

"Apabila penerima STR ambil kursus sebegini, mereka akan memperoleh kepakaran dan kelayakan yang lebih tinggi untuk menyertai kerjaya bergaji lebih lumayan berbanding pendapatan menerusi ekonomi gig seperti

pemandu e-hailing.

"Di sini baru kita nampak kesan Outcome dan Impact tersebut. Kita berjaya kurangkan kebergantungan mereka pada 'ikan' yang disumbangkan kerajaan kerana mereka telah mampu menangkap ikan dengan 'joran' sendiri iaitu kemahiran yang telah diajar," jelasnya yang turut mengesyorkan STR dikreditkan terus ke akaun penerima bagi mengelakkan ketirisan.

Anuar Shah turut senada dengan Loh berhubung pemberian bantuan tunai, yang mana kata Anuar Shah perlu disokong menerusi pembangunan berterusan.

"Amatlah penting peruntukan belanja pembangunan yang terbesar dalam sejarah iaitu RM99 bilion ini dimanfaatkan sebaiknya dan dengan lebih optimum kerana ia mampu mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat sendiri.

"Ini seterusnya diharapkan dapat mengurangkan kebergantungan pada khidmat pekerja asing. Ia juga penting untuk kegunaan pelaburan dan membuka lebih banyak ruang perniagaan," ujarnya.

TIDAK BOLEH TERLALU BERHEMAT

Sementara itu, Loh menyifatkan keputusan Putrajaya mengurangkan elaun pembangunan yang diperuntukkan kepada ahli Parlimen daripada RM3.8 juta kepada RM1.3 juta setahun sebagai tidak tepat.

"Saya berpandangan belanjawan kita tidak boleh terlalu bersifat 'austerity' atau mengikat perut biarpun berdepan kekangan kewangan. Ini kerana negara kita masih berada di landasan terbaik untuk pemulihan ekonomi.

"Memang benar (perlu ada) langkah menangani ketirisan dan pembaziran, namun jangan sampai kita mengikat perut kerana rakyat semakin gelisah dan amat perlukan bantuan untuk meneruskan kehidupan," ujarnya, menambah pengurangan peruntukan itu akan memberi impak kepada pembangunan di setiap negeri, terutama di kawasan luar bandar.

"Di Sabah dan Sarawak misalnya, peruntukan pembangunan ini amat diperlukan untuk menyediakan dan menyelenggarakan pelbagai infrastruktur di kawasan mereka," tambah beliau yang berharap kerajaan menimbang semula cadangan itu.

Menurut Loh, ada pendekatan lain yang boleh diambil oleh kerajaan bagi meningkatkan kemampuan kewangan negara, antaranya ialah memberikan kuasa kepada kerajaan negeri untuk memperluas ruang fiskal menerusi pihak berkuasa tempatan.

"Kita ambil contoh Negeri Sembilan yang merupakan sebahagian daripada rancangan Malaysia Vision Valley 2.0. Ia terkenal sebagai negeri perindustrian serta turut terbabit dalam usaha conurbation atau pencantuman dengan Lembah Klang," jelas beliau. — Bernama